



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat :
 - a) Berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang : 221001 (Membersih Bangunan dan Pejabat) dan 221002 (Membersih Kawasan)**;
 - b) Sijil pendaftarannya **Kementerian Kewangan Malaysia** hendaklah masih lagi berkuatkuasa; dan
 - c) Diperbolehkan untuk ePerolehan (*eP enabled*) bagi menyertai tender seperti berikut –

No. / Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh / Masa / Tempat Lawatan Tapak	Tarikh Dan Masa Tutup Tender / Tempat Hantar Dokumen Tender
NO. TENDER : PAR.2/368 T.3/2017 TAJUK TENDER : PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN SECARA KOMPREHENSIF KERJA-KERJA PEMBERSIHAN (HOUSEKEEPING) DAN KAWALAN SERANGGA PEROSAK DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA	<u>Kementerian Kewangan Malaysia</u> Kod Bidang : 221001 DAN 221002	Tarikh : 15 Mei 2017 (Isnin) Masa : 9.30 pagi Tempat : Bilik Taklimat, Blok A, Tingkat 1, Pejabat Sementara, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur (KEHADIRAN ADALAH WAJIB)	Tarikh : 5 Jun 2017 (Isnin) Masa : 12.00 tengah hari Seksyen Kewangan dan Akaun, Blok C, Tingkat 1, Pejabat Sementara, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur (DOKUMEN YANG LEWAT DIKEMUKAKAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN)

2. Petender adalah **DIWAJIBKAN HADIR** dan **KEHADIRAN AKAN DIAMBIL** semasa sesi taklimat / lawatan tapak (Rujuk Jadual Di Atas).
3. Petender **DIKEHENDAKI** untuk membawa **COP SYARIKAT, SALINAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA & SALINAN SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BERTARAF BUMIPUTERA (JIKA ADA)**. Hanya petender yang hadir taklimat / lawatan tapak sahaja yang akan dibuat pengesahan dalam sistem ePerolehan oleh urus setia. Petender perlu memastikan tempoh sah laku sijil Kementerian Kewangan masih berkuatkuasa.
4. Tawaran Spesifikasi Teknikal dan Tawaran Harga yang lengkap perlu dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender seperti jadual di atas, manakala dokumen tender yang dihantar secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam dua sampul surat yang berlainan dan dilakri serta dicatatkan nombor cadangan petender dan nombor tender pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat bagi kedua-kedua sampul surat. Kedua-kedua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti tender yang dialamatkan kepada **Seksyen Kewangan dan Akaun, Blok C, Tingkat 1, Pejabat Sementara, Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur pada atau sebelum 5 Jun 2017 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.**
(Sila rujuk Dokumen Tender Seksyen I untuk maklumat lanjut)
5. Dokumen tender yang lewat diterima **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
6. Petender yang memerlukan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut –
 - a) **Urus setia :**
 - Puan Sopiah binti Che Amat : 03 – 2601 7283
 - Cik Siti Zuraida binti Amit : 03 – 2601 7321
 - b) **Spesifikasi Teknikal :**
 - Encik Mahathir bin Darus : 03 – 2601 7106